

ISU

Akaun Emas legakan pencarum KWSP

DUA pengumuman penting Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) baru-baru ini memberi khabar gembira kepada 14.55 juta pencarumnya terutama 6.79 juta pencarum aktif bagi merancang simpanan persaraan.

Selain memaklumkan mengenai pengkelan pengeluaran caruman ahli pada usia 55 tahun, kewujudan akaun baharu iaitu Akaun Emas untuk simpanan persaraan kedua cukup melegakan terutama bagi mereka yang berumur lebih 55 tahun dan masih bekerja.

Seorang pegawai di sebuah bank tempatan, **Mohd. Azman Mahmud**, 53, berkata pengumuman KWSP cukup melegakan.

Dia sudah membuat perancangannya awal untuk persaraannya yang berbaki tujuh tahun lagi.

"Selain ingin menyelesaikan hutang rumah, saya telah melihat beberapa pelaburan yang ada di pasaran bagi menggandakan simpanan yang ada," katanya yang akan bersara pada usia 60 tahun.

Menyambut baik penubuhan Akaun Emas, ahli mendapat manfaat daripada kesan penggandaan menerusi dividen tahunan selama lima tahun lagi selepas umur 55 tahun.

Menyediakan simpanan persaraan yang mencukupi pada usia 60 tahun, Akaun Emas dapat memberi penyelesaian terbaik yang disediakan KWSP bermula 1 Januari tahun depan.

Purata rakyat Malaysia masih bekerja selepas 55 tahun dengan umur minimum persaraan pada 60 tahun, menurut **Ketua**

Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan.

Akaun Emas tidak akan menjejaskan skim semasa kerana ia hanya boleh dikeluarkan pada usia 60 tahun yang bakal dimanfaatkan kepada 250,000 ahli yang masih bekerja antara umur 55 hingga 60 tahun.

"Ini bermakna ahli yang berusia 55 tahun dan masih bekerja akan mempunyai dua akaun dengan keduanya mendapat dividen yang sama dan caruman majikan juga adalah sama dengan menyumbang 12 hingga 13 peratus," katanya.

Reaksi

Pelbagai reaksi berbeza diterima apabila KWSP mencadangkan pengeluaran simpanan ditetapkan pada usia 60 tahun selaras dengan peningkatan usia persaraan rakyat Malaysia.

Pengumuman itu membolehkan mereka mengeluarkan simpanan mereka sama ada sekali gus, sebahagian atau berperingkat.

Pengkelan pengeluaran pada usia 55 tahun itu dibuat setelah mengambil kira rundingan ahli tahun lalu yang menunjukkan 94 peratus responden bersetuju KWSP mengekalkan pengeluaran umur 55 tahun dan caruman baharu dari umur 55 hingga 60 tahun disimpan dalam Akaun Emas.

Rundingan itu juga katanya, menyaksikan 61 peratus responden bersetuju agar bayaran dividen dilanjutkan dari umur 75 ke 100 tahun.

"Ini akan dapat dimanfaatkan oleh ahli yang ingin mengekalkan sebahagian simpanan mereka dan mendapat faedah melalui penerimaan dividen sehingga pengeluaran penuh dibuat," katanya dividen akan dikreditkan ke akaun ahli sehingga simpanan itu dipindahkan ke Pendaftar Wang Tak Dituntut selepas 100 tahun.

Inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu memastikan rakyat dapat menikmati persaraan dalam keadaan yang selesa selepas umur 60 tahun, menurut pakar kewangan



SHAHRIL RIDZA



MOHAMAD FAZLI

PENGENALAN
Akaun Emas untuk simpanan persaraan kedua melegakan pencarum yang berumur lebih 55 tahun dan masih bekerja.
- Gambar hiasan



RATA-RATA pencarum menyambut baik pengenalan Akaun Emas yang hanya boleh dikeluarkan pada usia 60 tahun. - Gambar hiasan

pengguna, Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri.

Lanjutan tempoh pembayaran dividen yang diberikan kepada pencarum berumur antara 75 hingga 100 tahun adalah peluang yang baik untuk ahli menambah penyimpanan melalui Akaun Emas.

"Pengumuman ini dapat membantu melegakan kerisauan rakyat dalam mengharungi kehidupan selepas bersara nanti. Mereka dapat menguruskan wang persaraan dengan lebih baik," katanya ketika dihubungi. Selain menyimpan di Skim Persaraan Swasta (PRS), mereka boleh melabur dengan memilih instrumen simpanan dan pelaburan yang selamat dan terjamin. Elakkan daripada terlibat dengan mana-mana skim pelaburan cepat kaya, sebaliknya, merancang kewangan dengan cara yang terbaik," katanya.

Menurut Mohamad Fazli yang juga pensyarah dan Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, walaupun sudah ada Akaun Emas, namun pencarum masih perlu membuat perancangan persaraan sendiri sejak awal ketika mula memasuki alam pekerjaan.

Perbelanjaan harian

"Setelah dibuat pengeluaran pada usia 55 tahun, cukup ke dalam tempoh lima tahun simpanan di dalam Akaun Emas itu untuk menampung kos hidup ketika persaraan nanti?," soalnya.

Ketika umur mencecah 60 tahun, kebanyakan pesara memerlukan wang untuk beberapa perkara. Antaranya, perbelanjaan harian, hutang kenderaan, menanggung anak di universiti, melancong di dalam atau luar negara, kos perubatan, membayar polisi insurans serta perubatan.

Sekiranya tidak dirancang, semakin lama dana persaraan kian susut.

Sehubungan itu, adalah penting untuk individu menyimpan untuk persaraan dari awal termasuk kakitangan awam yang berpencen.

"Sistem yang ada seperti Akaun Emas sudah baik cuma kesedaran individu yang masih kurang. Jika umur 40 tahun baru hendak rancang persaraan, ia tidak memberi makna.

"Harus dirancang penyimpanan seawal yang boleh dan aspek pendidikan berhubung merancang persaraan perlu diterap di peringkat sekolah lagi," tegas beliau. - Bernama